

## **BEKAS PEMIMPIN UMNO BERJAYA JAHANAMKAN PAKATAN HARAPAN**

**Malaysia Today**

**October 4, 2016**

**By admin-s**

(TV14) – Apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad mengisytiharkan beliau akan menyokong serta bekerjasama dengan Pakatan Harapan, ia sebenarnya secara tidak langsung telah menjahanamkan gabungan pembangkang.

Mungkin ia disadari atau tidak, tetapi hakikatnya perpecahan dalam pakatan sudah mulai dirasakan.

Selain Mahathir, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan Datuk Seri Shafie Apdal turut menjadi penyumbang kepada bibit-bibit perpecahan tersebut.

Jika Mahathir dan dua M yang lain menjadi penyumbang kepada perpecahan Pakatan Harapan di Semenanjung, Shafie Apdal pula menyumbang kepada keadaan tersebut di Sabah.

Buktinya, pemimpin kanan PKR dan DAP di Sabah telah mengumumkan keluar parti. Mereka ialah Pengerusi Perhubungan PKR Sabah, Datuk Seri Lajim Ukin yang disertai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Moyog daripada PKR, Terrance Siambun; Setiausaha PKR Sabah, Datuk Majjol Mahap dan Ketua Wanita PKR Sabah, Johair Matlani.

Selain pemimpin PKR, ADUN Likas daripada DAP, Junz Wong; Timbalan Pengerusi DAP Sabah, Joan Goh; Naib Pengerusi DAP Sabah, George Hiew dan tujuh lagi Exco DAP Sabah turut meninggalkan parti dan menyatakan sokongan kepada Lajim.

Tindakan berkenaan telah dikecam oleh pengerusi DAP Sarawak Chong Chieng Jen yang mendakwa punca sebenar mereka melompat parti ada kena mengena dengan kekayaan yang dimiliki oleh Shafie.

Sepatutnya parti baru Shafie ini menarik anggota di kalangan parti komponen Barisan Nasional (BN) tetapi keadaan menjadi sebaliknya apabila anggota yang ditarik adalah di kalangan sekutunya.

Begitu juga dengan Mahathir, semakin banyak beliau bercakap, semakin banyak kerosakan dan keburukan diri sendiri yang didedahkan olehnya.

Kononnya Deklarasi Rakyat akan menambahkan sokongan kepada pembangkang namun hakikatnya ia tidak menjadi. Pilihan Raya Negeri Sarawak dan dua pilihan raya kecil di Sungai Besar serta Kuala Kangsar menjadi pemusnah kepadanya.

BN menang dengan bergaya, melampaui jangkauan Mahathir yang ketika itu turun berkempen di dua PRK tersebut tetapi gagal menarik pengundi untuk beralih kepada Pakatan Harapan.

Apa yang pasti sebelum Mahathir bekerjasama dengan Pakatan Harapan, tidak timbul soal lompat-melompat parti tetapi kini ia menjadi sebaliknya.

Mahathir telah berjabat tangan dengan Anwar di mahkamah bulan lepas dan dua minggu selepas itu, salah seorang wakil rakyat dari PKR telah mengumumkan untuk keluar parti dan menyertai Shafie. Bukankah mereka sepatutnya menarik pemimpin UMNO untuk sertai parti baru mereka?

Tapi apa yang berlaku mereka pula yang mencuri ahli-ahli parti sekutu mereka. Bahasa mudah ialah Pakatan Harapan sudah `kena game' dengan Mahathir.

Sesungguhnya BN boleh berterima kasih kepada Mahathir kerana memudahkan usaha parti itu untuk memfokus serta memberikan tumpuan kepada pilihan raya umum (PRU) ke-14 tidak lama lagi.

Bak kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika mengulas mengenai kemenangan BN di Sungai Besar dan Kuala Kangsar sebelum ini.

“Lebih kerap Tun Mahathir turun (berkempen), (ia) lebih menguntungkan BN, saya harap beliau jangan berhenti turun (berkempen) lagi.”

Pada PRK itu, BN menang dengan majoriti lebih besar iaitu meraih majoriti 6,969 undi berbanding 1,082 undi pada pilihan raya umum 2013 di Kuala Kangsar dan memperoleh majoriti 9,191 undi di Sungai Besar berbanding majoriti 399 undi pada 2013.

**Copyright (C) 2004 - 2016 Colourworks Design Limited. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.malaysia-today.net/bekas-pemimpin-umno-berjaya-jahanamkan-pakatan-harapan/>